



28 JUN, 2024

Kastam gagalkan cubaan seludup barangan bernilai RM730,530

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam gagalkan cubaan seludup barangan bernilai RM730,530

KLANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah II (Selangor) mematahkan cubaan penyeludupan pelbagai barangan termasuk air zam-zam dan rokok, membabitkan

nilai rampasan serta cukai berjumlah RM730,530 menerusi enam operasi berasingan di sekitar Lembah Klang, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah

Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan melibatkan air zam zam dilakukan dalam serbuan ke atas sebuah gudang di Shah Alam pada 21 Mei lepas.

Beliau berkata, pemeriksaan yang turut disaksikan seorang lelaki tempatan dipercayai pengurus gudang tersebut, menemukan 4,685 liter air zam zam bernilai RM117,200 dan lelaki itu gagal mengemukakan sebarang permit import bagi dagangan itu.

"Air zam zam atau air mineral adalah barang larangan dan pengimportannya dibenarkan dengan syarat mempunyai lesen import di bawah Butiran 35, Bahagian I, Jadual Ketiga, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967," katanya pada sidang media di sini semalam. - Bernama



TUMPAS... Norlela Ismail bersama pelbagai barangan rampasan termasuk air zamzam dan rokok, membabitkan nilai rampasan serta cukai berjumlah RM730,530 menerusi enam operasi berasingan di sekitar Lembah Klang pada sidang media di Pelabuhan Klang, semalam. • Foto BERNAMA



28 JUN, 2024

Kastam gagalkan cubaan seludup barangan bernilai RM730,530

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KLANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah II (Selangor) mematahkan cubaan penyeludupan pelbagai barangan termasuk air zamzam dan rokok, membabitkan

nilai rampasan serta cukai berjumlah RM730,530 menerusi enam operasi berasingan di sekitar Lembah Klang, baru-baru ini. Penolong Ketua Pengarah

Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan melibatkan air zam zam dilakukan dalam serbuan ke atas sebuah gudang di Shah Alam pada 21 Mei lepas.